

26 JUN 2001

MIRZAN-TARIK DIRI

TIADA RANCANGAN TARIK DIRI DARIPADA DUNIA KORPORAT, KATA MIRZAN

PETALING JAYA, 26 Jun (Bernama) -- Mirzan Mahathir, anak sulung Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak mempunyai niat untuk menarik diri daripada dunia korporat Malaysia.

"Saya adalah seorang ahli perniagaan. Apa yang akan saya lakukan (sekiranya saya berhenti). Logistik ialah satu kerja," kata pengerusi eksekutif Konsortium Logistik Bhd selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini.

Mirzan ditanya sama ada beliau akan mengikut jejak adiknya, Datuk Mokhzani Mahathir yang menarik diri daripada dunia korporat pada April lepas.

Mokhzani berkata penarikan dirinya adalah hasil daripada kekecewaannya terhadap tuduhan liar yang mengaitkan beliau dengan kerajaan atau projek-projek mega, yang merosakkan nama baiknya dan bapanya.

Mokhzani merupakan ketua pegawai eksekutif Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd, telah menjual kepentingannya dalam syarikat itu yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Beliau sebelum ini memegang 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings dan kepentingan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Mirzan menguasai 40 peratus Konsortium Logistik. -- BERNAMA

MAD SEL NHD OS